

27.12.2021

Siaran Media

oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

E-BAYARAN UNTUK PEMBAYARAN BALIK DEPOSIT BEKALAN AIR DI PULAU PINANG MULAI 1 JANUARI 2022

- **SOP yang lebih selamat, tepat pada masa dan memudahkan pengguna air Pulau Pinang menerima bayaran balik deposit bekalan air.**
- **Pengguna hanya perlu mengemukakan salinan kad pengenalan dan penyata bank untuk membolehkan pembayaran balik pindahan dana elektronik (EFT).**

PULAU PINANG, Isnin, 27.12.2021: Bermula 1 Januari 2022, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) akan membayar balik deposit bekalan air kepada majoriti pengguna air di Pulau Pinang melalui “pemindahan dana elektronik” (EFT).

Cek bayaran balik akan dikeluarkan dalam keadaan tertentu, seperti bagi warga emas tanpa akaun bank didaftarkan pada nama mereka.

Kebiasaannya, pembayaran balik deposit bekalan air adalah untuk pemotongan perkhidmatan (atas permintaan pelanggan) dan perubahan dalam pendaftaran pengguna air (berkaitan dengan transaksi jual beli hartanah).

Sejak 1999, prosedur operasi standard (SOP) PBAPP adalah untuk membayar bayaran balik deposit bekalan air dengan mengeluarkan cek yang dihantar melalui pos kepada pengguna air. Mulai 1 Januari 2022, PBAPP akan membuat bayaran balik dengan mendeposit dalam talian, terus ke dalam akaun bank pengguna air.

Prosedur EFT baharu ini dilaksanakan untuk manfaat pengguna air Pulau Pinang dengan 3 pertimbangan utama berikut:

1. **Keselamatan:** EFT melibatkan kurang pergerakan fizikal, dan dengan itu, risiko lebih rendah untuk pengguna dalam kedua-dua senario pandemik dan pasca pandemik.

Setiap EFT akan direkodkan dengan sewajarnya dalam akaun e-perbankan PBAPP serta penyata perbankan atau buku bank pengguna.

2. **Ketepatan masa:** Dengan prosedur kelulusan diikuti, EFT boleh dijalankan segera. Pengguna “menjimatkan masa” dengan tidak perlu menunggu cek bayaran balik melalui pos.
3. **Kemudahan:** Pengguna tidak perlu lagi mengunjungi cawangan perbankan untuk memasukkan cek bagi bayaran balik deposit bekalan air. Melalui EFT, bayaran didepositkan terus ke dalam akaun bank mereka.

Pengguna hanya perlu mengemukakan salinan kad pengenalan (KP) mereka dan salinan pengepala penyata bank/muka depan buku bank mereka di pusat khidmat pelanggan PBAPP untuk kami melaksanakan pembayaran EFT.

Namun begitu, PBAPP fleksibel dalam membuat pembayaran balik melalui cek untuk “kes tertentu”. Kes sedemikian akan diberi pertimbangan yang sewajarnya, seperti bayaran balik kepada warga emas yang mungkin tidak mempunyai akaun bank yang didaftarkan atas nama mereka.

Sila ambil perhatian bahawa pembayaran EFT PBAPP adalah SOP yang lebih selamat, tepat pada masa dan mudah untuk pembayaran balik deposit bekalan air di Pulau Pinang. Ia adalah kaedah terkini dalam piagam pelanggan kami yang “mesra, prihatin dan responsif”.

Pengguna air yang memerlukan nasihat dan/atau penjelasan lanjut boleh menghubungi **Pusat Panggilan 24 Jam kami (no. tel 04 255 8 255)**.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my